

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 23/12/2007

Klip video: BPR ambil keterangan Dr. Mahathir

Um - 23/12/2007

Oleh HELMI MOHD. FOAD

PUTRAJAYA 22 Dis. - Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah mengambil keterangan daripada Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam berhubung siasatan rakaman klip video yang dikatakan mengandungi perbualan seorang peguam terkemuka mengatur pelantikan hakim.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, beliau telah menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh tiga pegawai BPR yang datang ke

pejabatnya di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh pegawai-pegawai BPR itu dalam pertemuan selama sejam itu, semalam.

"BPR telah menemu bual saya semalam dan bertanyakan pelbagai soalan dan saya telah menjawab soalan-soalan tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika ditemui selepas melancarkan buku *The Third World and International Law* yang ditulis

oleh Dr. Tunku Sofiah Jewa di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini hari ini.

Hadir sama isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim.

Dr. Mahathir yang gembira dengan penubuhan Suruhanjaya diraja itu turut menyatakan kesediaan menjadi saksi sekiranya dipanggil berbuat demikian.

"Terpulanglah kepada Suruhanjaya di raja itu untuk menyiasat sama ada tuduhan yang dibuat berasas

atau tidak. Jika saya diminta untuk memberikan keterangan nanti, saya tidak boleh kata tidak," jelasnya.

Ditanya mengenai kriteria pelantikan Ketua Hakim Negara ketika menjadi Perdana Menteri, beliau menegaskan, seseorang hakim itu dinaikkan pangkat berasaskan ke layakannya.

"Bukan saja mengambil kira kelayakan akademik tetapi prestasi sepanjang dia menjawat jawatan majistret, itu semua kena tengok," katanya.

● Lihat muka 2



DR. MAHATHIR